

19/02/2001

Tidak perlu badan khas kaji pelaburan Tabung Haji: PM

Zulkofli Jamaludin; Megendran Rajapogal

SHAH ALAM, Ahad - Kerajaan tidak bercadang menubuhkan badan khas untuk mengawal selia dan memantau pelaburan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, pemantauan itu boleh dibuat menerusi audit dalaman dan luaran.

"Kalau kita nak pantau, kita pantau auditlah. Jadi kalau audit buat salah kita boleh ambil tindakan," katanya mengulas saranan bekas Pengerusi dan Pengarah Besar Tabung Haji, Tan Sri Hanafiah Ahmad, supaya sebuah badan khas ditubuhkan untuk mengawal selia dan memantau pelaburan Tabung Haji.

Hanafiah berkata, agensi itu memerlukan satu badan, undang-undang dan peraturan bagi memastikannya melabur secara berhemat, berdaya maju dan menguntungkan.

Pada sidang akhbar selepas menyampaikan amanat di Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru di Stadium Malawati di sini, hari ini, Dr Mahathir menjelaskan Tabung Haji membayar dividen rendah tahun ini kerana dalam perniagaan kadang-kadang mendapat untung banyak dan ada ketikanya sedikit.

Begitu juga dalam pelaburan Tabung Haji, katanya, penyimpan tidak boleh mengharap pendapatan yang tetap setiap tahun kerana ia akan menjadi riba.

"Sebaliknya bila kita melabur, kita berniaga, kadang-kadang kita untung kadang-kadang kita rugi. Kadang-kadang untung banyak, kadang-kadang untung sikit.

"Ini kita kena terimalah. Jadi kalau kita untung sikit, kerajaan kena tambah, itu bukan berniaga. Kita pakai duit kerajaan," katanya.

Pada 9 Februari lalu, Tabung Haji mengumumkan dividen 5.5 peratus bagi tahun kewangan 2000, berbanding 8 peratus tahun sebelumnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata kadar 5.5 peratus itu adalah setanding dan kompetatif dengan kadar pasaran yang dibayar bank perdagangan untuk akaun simpanan.

Ditanya cadangan untuk membaharui pelaburan Tabung Haji, Dr Mahathir berkata, semua orang tahu sekarang ini syarikat tidak mendapat untung banyak kerana krisis ekonomi.

"Kalau kita melabur dalam pasaran saham, kita dapati saham jatuh, kita tahu kita jatuh. Tapi setengah orang walaupun harga saham jatuh, (mereka) mahu untung macam itu juga. Ini tidak realistik," katanya.

(END)